



JABATAN PERANGKAAAN  
MALAYSIA




"Sebanyak 46.6 % dari 168,182 individu yang bekerja sendiri hilang pekerjaan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)."

**Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin,**  
Ketua Perangkawan Malaysia


DOSM/BK/TERENGGANU/15.2020/Siri28

Terengganu menyumbang **2.6 peratus** kepada ekonomi nasional pada tahun 2018 dengan merekodkan nilai ditambah **RM34.8 bilion** (2017: RM34.0 bilion). **Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan** merupakan dua (2) sektor yang mendominasi struktur ekonomi Terengganu. Kedua-dua sektor ini masing-masing menjana **RM17.5 bilion (50.3 peratus)** dan **RM13.1 bilion (37.5 peratus)** kepada nilai KDNK Terengganu.



"Kerajaan Terengganu meluluskan peruntukan sebanyak **RM6 juta** sebagai insentif kepada golongan yang terjejas akibat wabak coronavirus (Covid-19) di negeri ini."

– **YAB Menteri Besar Terengganu, 20 Mac 2020**




### Negara yang Melabur Dalam Projek Pembuatan di Terengganu, 2016-2018

MIDA melaporkan nilai **pelaburan asing projek pembuatan** yang telah diluluskan di Terengganu dalam tempoh 2016-2018 adalah **RM5,986.8 juta**. **China, Indonesia dan Perancis** merupakan tiga (3) negara yang mendominasi pelaburan asing projek pembuatan di Terengganu. Ketiga-tiga negara ini menyumbang **90.1 peratus** kepada keseluruhan nilai pelaburan asing bagi projek pembuatan di Terengganu.

Sumber: Laporan Sosioekonomi Negeri Terengganu 2018

### Nilai Ditambah dan Peratus Sumbangan Mengikut Sektor Terengganu, 2018

Penduduk : 1.3 Juta  
Kepadatan Penduduk : 96/km<sup>2</sup>



Kadar Kesuburan : 3.2  
Kadar Kelahiran Kasar : 23.1  
Kadar Kematian Kasar : 5.8

Bil. Hospital : 10 buah  
Bil. Klinik Kerajaan : 191 buah

Bil. Katil Hospital  
2016 - 1,705 katil  
2017 - 1,756 katil




Bil. Doktor  
2016 - 1,657 orang  
2017 - 1,961 orang

Bil. Jururawat  
2016 - 4,568 orang  
2017 - 4,656 orang

Sumber: MyLocal Stats Terengganu, 2018

Jumlah **perdagangan** melalui pintu keluar dan masuk Terengganu bagi bulan Mac 2020 bernilai **RM1.7 bilion** (Mac 2019: RM1.9 bilion). Nilai ini menyumbang **1.2 peratus** kepada keseluruhan nilai jumlah perdagangan Malaysia pada bulan Mac 2020.

### Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Terengganu



### Eksport, Import dan Jumlah Perdagangan Berdasarkan Pintu Keluar dan Masuk, Terengganu, 2019

	RM Juta		
	Eksport	Import	Jumlah Perdagangan
KERTEH	12,387	1,225	13,612
KEMAMAN/KUALA TERENGGANU	4,454	3,704	8,158
TERENGGANU	16,841	4,929	21,770

Pada tahun 2019, Terengganu mencatatkan jumlah eksport (melalui pintu keluar dan masuk) bernilai **RM16.9 bilion** dan jumlah import bernilai **RM5.0 bilion**. **Kerteh** merupakan pintu keluar dan masuk utama bagi aktiviti import dan eksport di Terengganu pada tahun 2019.

Sumber: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan (Mac 2020)





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A

"Kerajaan negeri Terengganu memperuntukkan RM4 juta bagi membantu peniaga yang terjejas teruk berikutan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)." – *Astro Awani, 19 April 2020*

**Bilangan Pelawat Domestik Mengikut Jenis Pelawat ke Negeri Terengganu, 2017 dan 2018**

	2017	2018
<b>Jumlah ('000) Total</b>	<b>12,979.4</b>	<b>13,742.4</b>
<b>Pelawat harian Excursionist</b>	<b>8,495.6</b>	<b>8,879.5</b>
<b>Pelancong Tourist</b>	<b>4,483.8</b>	<b>4,862.9</b>

Sumber: MyLocal Stats Terengganu, 2018

Tahun 2018 menunjukkan Terengganu menerima 13.7 juta pelawat domestik. Daripada bilangan tersebut, 8.9 juta (64.6 peratus) merupakan pelawat harian dan 4.8 juta (35.4 peratus) adalah pelancong.

**Bilangan Penumpang Yang Dikendalikan Mengikut Lapangan Terbang di Terengganu, 2016-2018**

Kategori	2016	2017	2018
Domestik	1,034,367	1,066,131	943,994
Antarabangsa	24	1,740	8
<b>Jumlah</b>	<b>1,034,391</b>	<b>1,067,871</b>	<b>944,002</b>

Sumber: MyLocal Stats Terengganu, 2018

Kementerian Pengangkutan Malaysia melaporkan bahawa pada tahun 2018, bilangan penumpang yang dikendalikan lapangan terbang di Terengganu telah menurun kepada 0.9 juta berbanding 1.0 juta pada tahun 2017.

# BULETIN KHAS NEGERI



## Statistik Utama Tenaga Buruh, Terengganu 2018-2019

Tahun	Tenaga buruh ('000)	Penduduk bekerja ('000)	Penganggur ('000)	Kadar penyertaan tenaga buruh (%)	Kadar pengangguran (%)
2018	470.3	447.8	22.5	60.2	4.8
2019	488.2	471.0	17.2	61.1	3.5


Pada tahun 2019, **penduduk bekerja** di Terengganu adalah **471.0 ribu orang** dengan **kadar penyertaan tenaga buruh** adalah **61.1 peratus** (Malaysia: 68.7 peratus). **Kadar pengangguran** pada tahun 2019 menurun kepada **3.5 peratus** (Malaysia: 3.3 peratus) berbanding 4.8 peratus dicatatkan tahun 2018.



Sumber: Laporan Survei Tenaga Buruh, Malaysia, 2019

### Penduduk Bekerja Mengikut Industri 2019, Terengganu

Pada tahun 2019, Industri **Perdagangan borong dan runcit; Pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal** mencatatkan bilangan penduduk bekerja paling ramai di Terengganu iaitu **80.0 ribu pekerja (17.0 peratus)** diikuti dengan industri **Pembinaan, 64.4 ribu pekerja (13.7 peratus)**. Industri **Penginapan dan Aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman** dan **Pembuatan** masing-masing mencatatkan **60.8 ribu pekerja (12.9 peratus)** dan **52.6 ribu pekerja (11.2 peratus)** pada tahun yang sama. Keempat-empat industri ini merupakan aktiviti utama yang menjadi tumpuan **54.7 peratus** pekerja di Terengganu.



Sumber: Population Quick Info

### Unjuran Penduduk Negeri Terengganu, 2020 Mengikut Kumpulan Umur

Komposisi umur penduduk di Terengganu boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan utama iaitu kumpulan umur muda (0-14 tahun), kumpulan umur bekerja (15-64 tahun) dan umur tua (65 tahun dan lebih).

Unjuran tahun 2020 menunjukkan penduduk di Terengganu dimonopoli oleh kumpulan umur bekerja iaitu 64.0 peratus daripada keseluruhan penduduk diikuti kumpulan umur muda 29.6 peratus dan kumpulan umur tua 6.4 peratus.





JABATAN PERANGKAAN  
M A L A Y S I A



Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Terengganu, 2014 & 2016

	MALAYSIA		TERENGGANU	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b> <i>Median</i>	4,585	5,228	3,777	4,694
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b> <i>Compounded annual growth rate</i>	"	6.6	"	10.9
<b>Purata (RM)</b> <i>Mean</i>	6,141	6,958	4,816	5,776
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b> <i>Compounded annual growth rate</i>	"	6.2	"	9.1

Sumber: HIS, 2016

Pekali Gini dan Insiden Kemiskinan, Malaysia dan Terengganu, 2014 & 2016

	MALAYSIA		TERENGGANU	
	2014	2016	2014	2016
<b>Pekali Gini</b> <i>Gini Coefficient</i>	0.401	0.399	0.360	0.328
<b>Insiden Kemiskinan</b> <i>Incidence of poverty</i>	0.6	0.4	0.6	0.4

Sumber: HIS, 2016

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah dan Purata Bagi Kumpulan Pendapatan Mengikut Pendapatan, Malaysia dan Terengganu, 2016

	MALAYSIA		TERENGGANU	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b> <i>Median</i>				
<b>Terendah 40% -B40</b>		3,000		3,135
<b>Pertengahan 40% -M40</b>		6,275		5,443
<b>Tertinggi 20% -T20</b>		13,148		10,692
<b>Purata (RM)</b> <i>Mean</i>				
<b>Terendah 40% -B40</b>		2,848		2,904
<b>Pertengahan 40% -M40</b>		6,502		5,643
<b>Tertinggi 20% -T20</b>		16,088		11,798

Sumber: HIS, 2016

Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Bulanan Penengah, Purata dan Kadar Pertumbuhan Tahunan Dikompaun, Malaysia dan Terengganu, 2014 & 2016

	MALAYSIA		TERENGGANU	
	2014	2016	2014	2016
<b>Penengah (RM)</b> <i>Median</i>	2,946	3,314	2,677	3,362
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b> <i>Compounded annual growth rate</i>	"	5.9	"	11.4
<b>Purata (RM)</b> <i>Mean</i>	3,578	4,033	3,088	3,802
<b>Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun</b> <i>Compounded annual growth rate</i>	"	6.0	"	10.4

Sumber: HIS, 2016

Indeks Harga Pengguna (2010=100), Kumpulan Utama, Terengganu, 2019 & 2020

KUMPULAN UTAMA	2019		2020
	Apr	Mac	Apr
<b>Jumlah</b>	<b>116.6</b>	<b>115.9</b>	<b>112.5</b>
Makanan dan Minuman Bukan Alkohol	124.4	126.8	126.7
Minuman Alkohol dan Tembakau	182.3	182.6	182.6
Pakaian dan Kasut	94.3	93.3	93.3
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	114.8	115.3	109.8
Hiasan, Perkakasan dan Penyelenggaraan Isi Rumah	110.5	110.5	110.3
Kesihatan	121.4	123.4	123.4
Pengangkutan	111.3	99.0	84.1
Komunikasi	96.4	97.6	97.6
Perkhidmatan Rekreasi dan Kebudayaan	105.7	107.4	107.4
Pendidikan	125.6	126.7	126.7
Restoran dan Hotel	117.7	118.9	118.9
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	114.8	119.3	120.4

Sumber: IHP, April 2020

Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Terengganu menurun 3.5 peratus pada April 2020 kepada 112.5 berbanding 116.6 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, IHP April 2020 Terengganu menurun 2.9 peratus berbanding Mac 2020.

*"Mungkin ada peniaga yang tidak bertanggung jawab dan mengambil kesempatan menaikkan harga. Oleh itu, KPDNHEP akan melaksanakan Skim Harga Maksimum," - Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, 12 April 2020*









## Statistik COVID-19 Negeri Terengganu


### Bilangan Kes Baharu Harian COVID-19, Terengganu




### Bilangan Kumulatif Kes COVID-19, Terengganu




### Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Negeri




### Peratusan Kes Pulih, Aktif dan Kematian Mengikut Negeri



### Bilangan Kes COVID-19 Mengikut Daerah, Terengganu



### Peratusan Kes Terengganu Terhadap Malaysia



Nota : Dikemaskini sehingga 26 Julai 2020  
Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



## Impak Covid-19 di Terengganu

### Perkhidmatan Perhotelan

Hasil tinjauan sektor perhotelan di negeri Terengganu, dianggarkan **pendapatan bagi industri ini menurun antara 70% hingga 95% sepanjang tempoh PKP.**

Kadar penginapan bagi **hotel 2 bintang ke bawah dianggarkan mengalami kerugian hampir 100%** manakala bagi **3 bintang ke atas dianggarkan berkurang sehingga 95%.**



### Perkhidmatan Pengangkutan Teksi

Bagi perkhidmatan teksi dan *e-hailing*, perkhidmatan ini juga turut terjejas berikutan perintah PKP kerana ketiadaan penumpang.

**Dianggarkan kurang 50% pengusaha yang masih meneruskan perkhidmatan** di mana

pendapatan mereka turut terjejas sehingga **hanya meraih 20% hingga 30%** dari jumlah pendapatan mereka yang biasa.



### Perkhidmatan Makanan dan Minum

Sektor ini juga turut terjejas di mana restoran dan kedai makan diarahkan ditutup sepanjang tempoh PKP. Arahan kerajaan tempatan semasa PKP, hanya membenarkan mereka beroperasi sehingga jam 9.30 malam sahaja. Namun demikian, tinjauan mendapati **hampir 70% pengusaha telah memberhentikan operasi buat sementara.**

Ini kerana terdapat kesukaran untuk memperolehi bahan mentah di samping margin bagi keuntungan juga telah terjejas terutamanya daripada minuman yang dijual.



### Perkhidmatan – Jualan Runcit Perabot

Permintaan terhadap perabot **merudum sehingga 60%** disebabkan pelanggan hilang sumber pendapatan. Jualan dalam talian telah diusahakan 100% sejak perintah kawalan pergerakan tetapi kurang mendapat sambutan dan perhatian daripada pelanggan kerana lebih suka melihat dan merasai sendiri hasil buatan perabot berbanding tempahan di atas talian.



### Pengusaha Stesen Minyak

Penurunan harga minyak tidak memberi kesan peningkatan pendapatan penggunaan dan jualan bahan api berikutan PKP.

Hasil jualan stesen minyak khususnya jualan bahan api di Terengganu **dianggarkan mengalami penurunan 40% hingga 50%.**



### Perkhidmatan Lori

Bagi perkhidmatan lori pengangkut dan kargo (*haulage*) di kawasan perindustrian minyak dan gas serta petrokimia di Kompleks Perindustrian Kerteh, Terengganu, operator masih meneruskan perkhidmatan dengan kadar yang minimum dan juga dengan menggilirkan pekerja disebabkan PKP.

Aktiviti masih berjalan seperti biasa dengan pekerja yang berkerja **berkurangan lebih 50%.**





JABATAN PERANGKAAN  
M A L A Y S I A



## Impak Covid-19 di Terengganu

### Perkhidmatan Pembaikan dan Penyelenggaraan Kenderaan Bermotor

Bagi bengkel yang mengendalikan perkhidmatan membaiki atau menyelenggara kenderaan bermotor, Kerajaan Negeri Terengganu memberi kebenaran untuk beroperasi dari jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang sahaja. Tempoh operasi perniagaan yang singkat ini menyebabkan **pendapatan bengkel berkenaan menurun 40% hingga 50% sehari**.



### Perkhidmatan Kedai Cermin Mata

Hasil tinjauan di daerah Kuala Terengganu dan Kuala Nerus, dianggarkan hampir 20 pengusaha kedai cermin mata menutup operasinya di sepanjang pelaksanaan PKP. Kesemua pengusaha ini tiada hasil pendapatan dan **mengalami kerugian sehingga 80% - 90%** di sepanjang tempoh PKP. Pengusaha masih lagi perlu menanggung kos operasi seperti sewa premis perniagaan, gaji pekerja dan bil utiliti.



### Perkhidmatan Jualan Runcit Barangan Farmasi

Hasil tinjauan di Terengganu mendapati perkhidmatan farmasi masih beroperasi sepanjang PKP kerana dikategorikan sebagai perkhidmatan yang penting. Waktu beroperasi adalah bermula jam 7.00 pagi hingga 6.00 petang sahaja. **Hasil jualan farmasi dianggarkan menurun 2% - 5%** kerana kekangan pergerakan pengguna.



### Perkhidmatan Perniagaan Komputer dan Aksesori Komputer

Berdasarkan rekod pertubuhan di *Malaysia Statistical Business Register (MSBR)*, terdapat 130 syarikat PKS yang menjalankan perniagaan jualan komputer dan aksesori komputer di Terengganu. Kesemua syarikat tersebut terpaksa menutup operasi perniagaan sepanjang tempoh PKP. Sebahagian besar pengusaha perniagaan terpaksa

Menanggung risiko mengalami **penurunan pendapatan sehingga 70% - 90%**.



### Perkhidmatan Pengangkutan (Aktiviti kurier selain daripada aktiviti pos nasional)

Berdasarkan maklumat diperolehi daripada syarikat kurier, berlaku **penambahan atau lambakan barangan** di beberapa syarikat kurier sehingga **50% dari sebelum PKP Fasa 1**. Ini telah menyebabkan **penambahan dalam pengambilan 20% pekerja kontrak**. Lambakan barangan ini adalah disebabkan pembelian secara dalam talian yang meningkat dan penyimpanan barangan yang sebelum ini kerana PKP.







JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



## Impak Covid-19 di Terengganu


### Sektor Perlombongan dan Pengkuarian Batu Granit

Hasil daripada tinjauan yang dibuat mendapati faktor PKP telah menyebabkan operasi pengeluaran batu terhenti 100% sehingga selesai PKP. Namun demikian, penjualan batu granit masih beroperasi dengan melibatkan stok sedia ada di kawasan tapak kuari. **Anggaran hasil penjualan stok sedia ada adalah berkurangan 15% - 40% dari jumlah hasil sebelum PKP.**



### Sektor Perlombongan dan Pengkuarian - Pasir

Sepanjang tempoh PKP, semua syarikat dalam subsektor Perlombongan Pasir telah memberhentikan operasi 100%. Kesannya mengakibatkan aktiviti rantai iaitu sektor pembuatan dan pembinaan tidak dapat beroperasi sepenuhnya. Oleh demikian, **pendapatan syarikat terjejas hampir 100%** dan keseluruhan pekerja turut menerima kesan pemotongan gaji atau pemberhentian dalam tempoh PKP ini.



### Sektor Perlombongan Minyak dan Gas

Berdasarkan kepada semakan dengan Petronas, semua operasi di luar pesisir yang berada di bawah seliaan Petronas masih berjalan seperti biasa dan pekerja yang berada di *offshore* akan dikurantin terlebih dahulu setelah tamat tempoh bertugas di platform berkenaan.

Bagi yang beroperasi di daratan, hanya loji dibenarkan beroperasi dengan kadar pengurangan anggota sebanyak 50%. Operasi di Kawasan Perindustrian Paka berjalan agak perlahan. Ia melibatkan terminal gas dan pelabuhan minyak Paka dan Bahagian Ibu Pejabat Petronas Zon Timur di Kemasek yang beroperasi. **Anggaran operasi syarikat sekitar 40% - 50 % kapasiti sahaja.**



### Sektor Pembinaan

Semua kerja pembinaan dan penyelenggaraan dalam sektor pembinaan telah dihentikan kecuali kerja kritikal sepanjang tempoh PKP.

Bagi projek pembinaan dan penyelenggaraan yang dihentikan, kontraktor tidak boleh membuat sebarang tuntutan kepada kerajaan atau dipertanggung jawabkan atas kerugian dialami kerana penyebaran wabak ini di luar kawalan. Akibat daripada perkara tersebut, kebanyakan syarikat pembinaan telah memutuskan untuk tidak membayar gaji pekerja (*unpaid leave*) sepanjang tempoh PKP dikuatkuasakan.

Ini juga memberi kesan kepada keuntungan syarikat di mana projek terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu. Dianggarkan syarikat mengalami **pengurangan pendapatan di antara 30% - 45 %** bagi bulan Mac – April 2020.





JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



## Impak Covid-19 di Terengganu


### Pembuatan Keropok

Hampir 80% pengusaha yang menjalankan perusahaan Pembuatan Keropok terpaksa ditutup memandangkan ketiadaan bahan mentah sepanjang tempoh PKP. Jumlah **jualan keropok lekor mengalami penurunan 50% dan dianggarkan 80% pekerja tidak bekerja sepanjang tempoh PKP.**



### Pembuatan Sos

Tinjauan kepada sektor pembuatan sos mendapati syarikat tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP. Pengusaha melaporkan **jualan mengalami 60% penurunan** dan kesemua pekerja diberi cuti rehat dan kos gaji pekerja masih ditanggung oleh pengusaha.



### Pembuatan Kayu, Pengilangan dan Pengetaman Kayu

Sektor ini dibenarkan menjalankan operasi semula mulai PKP Fasa 3 menggunakan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan. Syarikat telah diarahkan untuk menghadkan bilangan pekerja iaitu hanya **50% jumlah pekerja yang dibenarkan bekerja sepanjang aktiviti pengeluaran setiap bulan.** Kesannya, pengeluaran bagi kebanyakan syarikat di dalam sektor ini telah **menurun 10% hingga 15%.**



### Pembuatan Produk Farmaseutikal Asas dan Kimia Perubatan

Sepanjang PKP Fasa 2, sektor pembuatan bagi produk farmaseutikal asas dan kimia perubatan turut terjejas dan **operasi telah dihentikan sepenuhnya.** Terdapat syarikat utama di dalam sektor ini telah **mengurangkan pekerja sehingga 62%** dan hanya mengekalkan pekerja di bahagian penyelenggaraan dan keselamatan sahaja (hanya 50 daripada 400 pekerja).



### Sektor Percetakan

Berdasarkan semakan, syarikat tidak beroperasi sewaktu pelaksanaan PKP Fasa 1. Walau bagaimanapun, syarikat telah mula beroperasi dalam tempoh PKP Fasa 2 dengan penetapan jumlah pekerja yang bertugas berada pada tahap minimum. Pengeluaran memberi keutamaan kepada pasaran tempatan. Hampir **90% hasil pengeluaran bagi syarikat tersebut adalah melibatkan percetakan pelekat botol ubatan dan resit kupon kesihatan sahaja.**

**Hasil jualan syarikat menurun kepada 65% semasa tempoh PKP** berbanding jualan sebelumnya.







JABATAN PERANGKAAAN  
M A L A Y S I A



## Impak Covid-19 di Terengganu

### Pertanian - Tanaman (Tembikai dan Nenas)

Sepanjang tempoh PKP, kerajaan tidak menyekat sebarang aktiviti membabitkan rantaian bekalan. Walau bagaimanapun, hasil tanaman tembikai di Terengganu terjejas kerana kurangnya permintaan dan harga tembikai jatuh **hampir 50% - 75% bagi setiap kilogram**. Faktor ini menyebabkan lambakan hasil yang tidak terjual meningkat.

Faktor PKP juga telah menyebabkan **pengeluaran nenas terjejas sehingga 55%**. Pengeluaran hasil yang berlaku secara serentak dalam tempoh PKP ini

telah memberi kesan penurunan purata harga buah nenas dari RM2.50 (sebelum PKP) kepada RM1.00 - RM1.50 per kg (semasa PKP) kerana lambakan hasil di samping buah yang mudah rosak.



### Pertanian - Ternakan

Hasil tinjauan dalam tempoh PKP mendapati industri ternakan ayam daging berjalan lancar dan harga ayam di pasaran adalah stabil serta tidak berlaku kenaikan. Harga di ladang sekitar RM3.00 - RM4.50 sekilogram.

Penternak menjual dengan harga kontrak jualan kepada penjual/pemborong di pasar-pasar borong sekitar Kerteh, Paka dan Kemaman. Harga kontrak yang dibuat oleh penternak ayam dengan pemborong/penjual membolehkan penternak mengekalkan pendapatan hasil jualan ayam ladang dengan harga lebih stabil walaupun masih dalam tempoh PKP.

Harga bahan mentah atau makanan ayam tidak mengalami kenaikan sepanjang tempoh PKP. Secara tidak langsung pemilik dapat menstabilkan kos dan harga ayam ladang dalam tempoh ini.



### Pertanian - Perikanan

#### Nelayan Sungai

Nelayan sungai yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Terengganu adalah 262 orang dan nelayan ini dibahagi kepada 2 kategori iaitu 42.4% kategori A (111 orang) dan 57.6% kategori B (151 orang). Akibat arahan PKP ini, **97% nelayan telah menghentikan penangkapan ikan dan baki 3% yang turun hanyalah mereka yang berada berhampiran sungai sahaja**.

Hasil tangkapan tidak terjual kerana tiada permintaan pasaran. Pendapatan pengusaha **terjejas hampir 100% sepanjang PKP** kerana kebanyakan mereka adalah pengusaha perseorangan.

#### Nelayan Laut

Hasil tinjauan mendapati, **aktiviti nelayan laut berkurangan lebih 50%** sepanjang tempoh PKP kerana bot-bot kecil tidak dapat turun ke laut dalam tempoh ini. Nilai jualan hasil laut mengalami **penurunan sehingga 30%**.

#### Nelayan Akuakultur

Terdapat 787 orang penternak yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Negeri Terengganu dalam subsektor ini. Disebabkan PKP, **hasil jualan penternak telah mengalami penurunan 30% - 55%**.





JABATAN PERANGKAAN  
M A L A Y S I A



### Berita Harian, 14 Mac 2020 (Sabtu)

#### Insentif khas rangsang industri pelancongan Terengganu

Baharom Bakar, cnews@nstp.com.my

KUALA TERENGGANU: Kerajaan negeri sedang mengatur strategi termasuk akan memperkenalkan pakej khas bagi merangsang industri pelancongan berikutan penularan coronavirus (COVID-19) di seluruh negara.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/03/665420/in-sentif-khas-rangsang-industri-pelancongan-terengganu>

### The Star, 23 Mac 2020 (Isnin)

#### Covid-19: Terengganu announces phase two stimulus package to ease financial burden

Sira Habibu

PETALING JAYA: Terengganu has deferred government loan servicing and rental payments for two months starting April, says Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar.

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/23/covid-19-terengganu-announces-phase-two-stimulus-package-to-ease-financial-burden>

### Berita Harian, 6 April 2020 (Isnin)

#### COVID-19: Premis Perniagaan Makanan Ternakan Haiwan Dibenarkan Beroperasi

Baharom Bakar, bhnews@bh.com.my



KUALA TERENGGANU: Pemilik premis makanan ternakan haiwan dibenarkan beroperasi, tetapi garis panduan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) perlu dipatuhi.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/673519/covid-19-premis-perniagaan-makanan-ternakan-haiwan-dibenarkan>

### Sinar Harian, 13 April 2020 (Isnin)

#### Aktiviti Perniagaan di Terengganu Sehingga Jam 6 Petang Sahaja

Farah Shazwani

KUALA TERENGGANU - Kerajaan Terengganu mengarahkan semua aktiviti perniagaan di negeri ini dihentikan pada jam 6 petang bermula hari ini sehingga 31 Mac depan, susulan Perintah Kawalan Pergerakan dalam usaha mengekang wabak coronavirus (Covid-19).

<https://www.sinarharian.com.my/article/74815/EDISI/Terengganu/Aktiviti-perniagaan-di-Terengganu-sehingga-jam-6-petang-sahaja>

**Penafian:** Artikel dalam buletin khas ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara ad-hoc di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan buletin ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

### Berita Harian, 20 Mac 2020, Jumaat

#### COVID-19: Syarikat Bas Ekspres Hentikan Operasi

Baharom Bakar, bhnews@bh.com.my

KUALA TERENGGANU: Beberapa syarikat bas ekspres yang menawarkan perjalanan ke beberapa lokasi termasuk ke Utara dan Selatan akan menangguhkan operasi berkuat kuasa Ahad ini.

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/03/667315/covid-19-syarikat-bas-ekspres-hentikan-operasi>

### Sinar Harian, 24 Mac 2020 (Selasa)

#### Covid-19: TADC dilantik Ejen Pemasaran Hasil Pertanian Terengganu

Rahayu Mustafa



KUALA TERENGGANU – Anak syarikat kerajaan negeri, Terengganu Agrotech Development Corporation Sdn Bhd (TADC) dilantik sebagai ejen bagi memasarkan hasil pertanian keluaran petani, penternak dan nelayan negeri ini.

<https://www.sinarharian.com.my/article/75266/EDISI/Terengganu/Covid-19-TADC-dilantik-ejen-pemasaran-hasil-pertanian-Terengganu>

### New Straits Times, 8 April 2020 (Rabu)

#### Covid-19: 40 Foreign Tourists Choose To Remain in Terengganu

Baharom Bakar

KUALA TERENGGANU: European tourists visiting several islands in the state are refusing to go home for fear of catching the Covid-19 infection.



<https://www.nst.com.my/news/nation/2020/04/582553/covid-19-40-foreign-tourists-choose-remain-terengganu>

### Bernama.Com, 29 April 2020 (Rabu)

#### Petroleum Cash Payments' Reduction Enables T'ganu To Focus On Helping People - Academics

BERNAMA

KUALA TERENGGANU, April 29 -- The federal government's decision to reduce the Terengganu petroleum cash payments from 25 per cent to five per cent as settlements for its debts leaves more room for the state government to help people affected by the COVID-19 outbreak and the Movement Control Order (MCO).

[https://www.bernama.com/en/general/news\\_covid-19.php?id=1836742](https://www.bernama.com/en/general/news_covid-19.php?id=1836742)

